

Tajuk: Tahap kebolehkerjaan graduan Persijilan Kemahiran Malaysia di Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA).
(Kajian bersama JPK dan UKM)

ABSTRAK

Tenaga kerja mahir amat kritikal demi menjayakan pelan transformasi ekonomi ke arah menjadikan negara ini sebagai negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Dalam konteks ini keberkesanan peranan institut latihan kemahiran (ILK) dalam melahirkan tenaga kerja mahir berkenaan adalah penting bagi memastikan keperluan pasaran dipenuhi. Kajian lepas menunjukkan bahawa program latihan kemahiran bukanlah merupakan pilihan utama pelajar lepasan sekolah menengah. Ini kerana sebahagian besar mereka ini samada melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi atau terus memasuki pasaran buruh tanpa sebarang latihan. Implikasinya, peratusan tenaga kerja mahir dalam ekonomi negara masih kecil. Dalam masa yang sama, program latihan yang tawarkan oleh ILK juga perlu dinilai dari masa ke masa untuk mempastikan keberkesanannya dalam memenuhi keperluan pasaran. Kajian ini bertujuan menilai keberkesanan peranan institut latihan kemahiran awam (ILKA) dalam melahirkan tenaga kerja mahir seperti yang diperlukan. Penilaian ini difokuskan kepada pertama, kesesuaian bidang Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) dengan bidang pekerjaan yang diceburi; kedua, tempoh graduan SKM mendapat pekerjaan; ketiga, mengenalpasti faktor yang mempengaruhi kebolehkerjaan graduan SKM; dan keempat, cadangan langkah-langkah bagi meningkatkan kebolehkerjaan graduan SKM pada masa hadapan. Tumpuan kajian adalah ke atas graduan ILKA seluruh Malaysia lepasan tahun 2007-2010 meliputi 12 bidang utama bagi semua tahap persijilan. Data untuk tujuan analisis diperolehi daripada kajian soalselidik ke atas 521 orang graduan ILKA. Di samping itu maklumat daripada perbincangan kumpulan terfokus melibatkan pembuat dasar, tenaga pengajar dan pihak industri turut digunakan dalam analisis kajian. Hasil kajian turut dibincang dan dibandingkan dengan kajian-kajian pengesanan graduan SKM yang lepas (*tracer study*) untuk mengukuhkan lagi dapatan kajian ini. Secara keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan graduan SKM mempunyai kemahiran asas untuk melakukan pekerjaan. Namun begitu peratusan graduan yang terlibat dalam pekerjaan yang sepadan dengan bidang latihan adalah rendah. Manakala tempoh mendapat pekerjaan pertama semakin singkat dengan gaji permulaan yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, maklumbalas perbincangan kumpulan terfokus menunjukkan bahawa kemahiran insaniah graduan SKM masih berada pada tahap yang agak rendah terutama dalam komunikasi lisan dan penulisan, khususnya bahasa Inggeris. Analisis yang lebih terperinci mendapati skor purata yang sederhana dari segi kemahiran graduan berkait rapat dengan tahap persijilan graduan, struktur kurikulum latihan (NOSS) dan kemudahan peralatan yang disediakan di tempat latihan. Untuk meningkatkan aspek kebolehkerjaan graduan pada masa hadapan, tahap persijilan graduan harus ditingkatkan sekurang-kurangnya hingga ke tahap 3. Untuk

meningkatkan lagi tahap kemahiran graduan Skim Latihan Dual Nasional perlulah diperluaskan. Untuk mengukuhkan lagi SKM, satu badan yang lebih bebas diwujudkan untuk mengawas dan menyelaras kurikulum program latihan serta mengiktiraf persijilan program latihan yang kendalikan oleh pelbagai agensi ILKA, iaitu Malaysian Skills Qualification Council (MSQC). Badan ini juga kelak bertanggungjawab meningkatkan imej dan mempromosi program latihan SKM dalam kalangan masyarakat (termasuk industri) di seluruh negara.